KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

TEKS UCAPAN

YB DATUK HAJAH RUBIAH BINTI HAJI WANG

TIMBALAN MENTERI

KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA:

MAJLIS PELUNCURAN AMALAN HIJAU

TVET@KKDW 2025

17 JULAI 2025 | 2.30PM | KKTM LENGGONG

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan Salam Luar Bandar Sejahtera.

Terima Kasih Saudara Pengacara Majlis.

[SALUTASI SEWAJARNYA]

ALUAN

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat berhimpun pada petang yang penuh bermakna ini bagi menjayakan Majlis Peluncuran Amalan Hijau TVET@KKDW yang bertemakan “Bestari & Lestari”.

2. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan komitmen dalam menjayakan majlis ini. Penghargaan khusus ditujukan kepada pengurusan tertinggi KKDW, pegawai kanan kementerian, rakan-rakan industri, wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO), para pendidik serta pelajar institusi TVET yang turut hadir memeriahkan majlis.

3. Setinggi-tinggi terima kasih juga saya ucapkan kepada Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) Lenggong atas kesudian menjadi tuan rumah serta memberikan ruang kepada saya untuk meninjau sendiri kapasiti dan keupayaan institusi ini dalam melaksanakan

program TVET berasaskan biokimia, herba dan rekabentuk. Saya percaya KKTM Lenggong berpotensi besar untuk melahirkan graduan berkemahiran tinggi yang mampu menyumbang secara signifikan dalam sektor ekonomi bernilai tinggi, khususnya dalam bidang fitokimia, industri halal dan teknologi rekabentuk.

PENDAHULUAN

Hadirin sekalian,

4. Selaras dengan komitmen global terhadap agenda kelestarian, negara kita telah menggubal beberapa dasar utama seperti Dasar Alam Sekitar Negara dan Dasar TVET Negara 2030. Kedua-dua dasar ini menekankan kepentingan mengarusperdanakan prinsip kelestarian dalam semua sektor, termasuk pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET). Ini termasuklah usaha untuk membangunkan modal insan berkemahiran tinggi dalam bidang berkaitan alam sekitar, tenaga boleh diperbaharui, pengurusan sumber lestari serta teknologi hijau.

5. Justeru, bagi menyokong pelaksanaan dasar-dasar tersebut secara berkesan, institusi TVET perlu memainkan peranan yang lebih strategik dalam melahirkan tenaga kerja mahir yang bukan sahaja kompeten dalam bidang teknikal, tetapi juga mempunyai kesedaran tinggi terhadap kelestarian, seiring dengan aspirasi Malaysia ke arah negara rendah karbon.

6. Sebagai antara peneraju utama dalam landskap pendidikan TVET negara, KKDW telah mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan Jawatankuasa *Technical Working Group* (TWG) Kerangka Pengurusan Amalan Hijau TVET@KKDW. Jawatankuasa ini yang dianggotai oleh wakil daripada semua institusi TVET di bawah KKDW telah mengadakan beberapa siri perbincangan strategik dalam usaha memperkasa amalan hijau serta menjadikan institusi TVETdi bawah KKDW sebagai kampus hijau yang progresif dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

7. Hasil perbincangan tersebut, KKDW telah bersetuju untuk membangunkan Buku Panduan Pelaksanaan Amalan Hijau TVET@KKDW. Panduan ini menyediakan hala tuju yang jelas, sistematik dan berstruktur kepada semua institusi TVET di bawah KKDW dalam melaksanakan amalan kelestarian secara menyeluruh dan berkesan.

8. Antara komponen utama yang digariskan dalam panduan ini merangkumi kecekapan tenaga dan air, pengurusan sisa secara mampan, pengangkutan rendah karbon, reka bentuk bangunan hijau serta integrasi pendidikan kelestarian dalam kurikulum. Komponen-komponen ini sejajar dengan prinsip dan pendekatan yang diketengahkan oleh UNESCO dalam dokumen "*Greening Technical and Vocational Education and Training: A Practical Guide for Institutions*" yang diterbitkan pada tahun 2017.

9. Pelaksanaan inisiatif ini akan dilaksanakan secara berfasa dan dinilai menggunakan indikator prestasi yang objektif, selaras dengan prinsip pembangunan mampan jangka panjang. Sebagai permulaan, beberapa sesi libat urus telah pun dilaksanakan oleh Jawatankuasa TWG bagi meningkatkan kesedaran dan pemahaman terhadap panduan amalan hijau ini. Saya amat berharap pihak pengurusan institusi TVET di bawah KKDW akan terus memberikan komitmen penuh demi memastikan pelaksanaan amalan hijau ini berjaya, demi masa depan alam sekitar yang lestari dan kesejahteraan bersama.

SISTEM PENARAFAN *DAUN HIJAU (GREEN LEAVES RATING SYSTEM)*

Hadirin sekalian,

10. Bagi mempertingkatkan prestasi dan inisiatif kelestarian, KKDW akan memperkenalkan Sistem Penarafan Daun Hijau (Green Leaves Rating System). Menerusi sistem ini, institusi akan dinilai berdasarkan tahap pencapaian dalam pelaksanaan amalan hijau. Penarafan diberikan antara 1 hingga 5 daun hijau, bergantung kepada skor pencapaian antara 51% hingga 100% berdasarkan instrumen penilaian yang ditetapkan. Institusi yang memperoleh skor di bawah 50% belum layak menerima penarafan dan digalakkan untuk terus meningkatkan usaha ke arah amalan hijau.

11. Inisiatif ini bertujuan mendorong penambahbaikan berterusan, membudayakan kelestarian dalam pengurusan kampus serta

memupuk semangat persaingan sihat dalam kalangan institusi TVET. Penting untuk difahami bahawa sistem ini bukanlah bertujuan untuk mewujudkan jurang antara institusi, sebaliknya menjadi platform untuk perkongsian amalan terbaik yang boleh dijadikan rujukan dan inspirasi oleh institusi lain.

PENGIKTIRAFAN DAN PEMBANGUNAN BANGUNAN HIJAU

12. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada tiga institusi TVET di bawah KKDW yang telah menerima pengiktirafan antarabangsa menerusi penyertaan dalam *UI Green Matrix World University Ranking*, iaitu Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) Sri Gading, Institut Kemahiran MARA (IKM) Seberang Perai Utara, dan GIATMARA Pasir Gudang.

13. Pengiktirafan ini menjadi bukti bahawa institusi TVET kita bukan sahaja berdaya saing di peringkat global, malah mampu menjadi penanda aras dalam pelaksanaan amalan kelestarian yang mampan.

14. Apa yang lebih mengujakan, dua buah bangunan milik institusi TVET di bawah KKDW kini sedang dibangunkan berasaskan prinsip bangunan hijau dan hampir siap sepenuhnya. Yang pertama ialah *Green Buildings Learning Centre* di KKTM Sri Gading, yang bakal menerima pengiktirafan daripada *Green Building Index* atau GBI. Manakala yang kedua ialah *Sustainable Energy Living Lab* di Universiti Kuala Lumpur British Malaysian Institute, Gombak, yang

direka bentuk untuk mencapai status *Net Zero Energy Building* melalui kerjasama strategik bersama *Malaysia Green Building Council* atau MGBC.

15. Kedua-dua bangunan ini bukan sahaja mencerminkan komitmen kita terhadap agenda kelestarian, malah bakal menjadi pusat pembelajaran dan inovasi dalam bidang tenaga boleh diperbaharui untuk generasi masa depan.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

16. Saya menyeru agar semua institusi TVET di bawah KKDW mengangkat nilai kelestarian sebagai budaya kerja dan amalan pembelajaran. Kita bukan sahaja berperanan melahirkan tenaga kerja mahir, tetapi juga insan yang beretika, berwawasan, dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

17. Saya juga ingin mengajak pihak industri, NGO dan komuniti setempat untuk bersama-sama menyokong serta memperluas inisiatif ini. Kelestarian bukan lagi satu pilihan, sebaliknya merupakan keperluan mendesak demi masa depan yang lebih lestari dan sejahtera.

18. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua pihak, khususnya KKTM Lenggong, agensi serta institusi di bawah KKDW, dan juga organisasi yang telah bersama menjayakan

usaha ke arah amalan hijau ini sehingga pelancarannya dapat direalisasikan pada hari ini.

19. Akhir kata, semoga inisiatif ini menjadi pemangkin kepada transformasi TVET yang lebih hijau, pintar dan inklusif, seterusnya menyumbang secara bermakna ke arah pemeliharaan dan kelestarian bumi untuk generasi akan datang.

20. Dengan lafaz  saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Peluncuran Amalan Hijau TVET@KKDW bertemakan “Bestari & Lestari”.

Sekian,
Wabillahi Taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

-TAMAT-